

**TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA, WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR  
TTPM-WP-(P)-1560-2023**

**MOHD SOFFIAN BIN HANAFIAH**

**LWN**

**MAX SPACE ENTERPRISE**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**A. PERMULAAN**

[1] Berdasarkan Borang 1 bertarikh 23 Oktober 2023, Pihak Yang Menuntut (PYM) menuntut tebus rugi sebanyak RM27,550.00 terhadap Penentang atas jumlah wang yang telah dibayar bagi kerja-kerja elektrik seperitimana butiran di dalam Borang 1 tersebut dan kos lain-lain berkaitan.

[2] Berdasarkan Borang 1 juga, PYM tidak berpuas hati kerana pemeriksaan juruelektrik bertauliah mendapati pendawaian elektrik yang dibuat oleh Penentang tidak selamat, berisiko dan tidak mengikuti piawaian menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Tenaga.

[3] Pada tarikh sebutan iaitu 28 Februari 2023, PYM telah memaklumkan kepada pihak Tribunal bahawa PYM berhasrat untuk mengurangkan tuntutannya setelah melihat semula laporan dan berbincang dengan kontraktor pembetulan kepada sejumlah RM17,300.00 (butiran seperti di Lampiran H ikatan dokumen PYM).

[4] Penentang di dalam Borang 2 bertarikh 18 Januari 2024, menyatakan di dalam pembelaannya antara lain bahawa tiada sebarang aduan dibuat oleh PYM selepas bayaran akhir dibuat, spesifikasi yang tinggi diminta oleh PYM menekan

pihak Penentang dan tindakan PYM memanggil pihak ketiga adalah tidak wajar kerana masih dalam tempoh kontrak oleh itu waranti adalah terbatal.

## B. VERSI PYM

[5] PYM bersandar kepada keterangan saksi seorang pendawai kompeten (perakuan ST no: PW 1133284) Encik Isamuddin bin Ayob yang telah mengemukakan laporannya bertarikh 14 Februari 2024 (Laporan tersebut). Laporan tersebut menyatakan ujian yang telah dilaksanakan dan dapatannya seperti yang berikut:

- “1. *Ujian Keterusan: Memastikan keterusan pada pengalir pelindung (tidak putus atau tersalah sambung) dan memastikan nilai rintangan pengalir perlindung tidak terlalu tinggi.*
2. *Ujian Rintangan Penebatan: Tujuan ujian rintangan penebatan adalah untuk memastikan tiada kebocoran arus, tiada litar pintas antara fasa dengan fasa, fasa dengan neutral dan fasa dengan bumi, selain itu juga untuk menguji ketahanan kabel.*
3. *Ujian Kekutuban:*
  - i. *Memastikan setiap fius atau kawalan kutub tunggal (satu kutub) dan peranti perlindungan disambung pengalir fasa sahaja.*
  - ii. *Sentuhan tengah pemegang lampu skru Edison disambung pengalir fasa.*
  - iii. *Memastikan sambungan pada soket alir keluar bagi setiap pengalir fasa, neutral dan bumi disambung ke terminal yang betul.*
4. *Ujian Sistem Pembumian: Tujuan ujian sistem pembumian dibuat adalah untuk memastikan bacaan pada sistem pembumian mengikut spec Suruhanjaya Tenaga iaitu dibawah 10 Ohm.”*

[6] Berdasarkan Laporan tersebut saksi menyatakan bahawa selepas melaksanakan pemeriksaan pendawaian, terdapat tujuh (7) perkara yang tidak mengikut spesifikasi Suruhanjaya Tenaga butiran seperti yang berikut:

- (i) *Pendawaian kabel water heater tidak mengikut spec contoh nya kabel menggunakan saiz 2.5mm. Sepatutnya perlu menggunakan kabel bersaiz 4mm.*
- (ii) *Pendawaian untuk water heater tingkat atas, pendawaian kabel bersambung kerana setelah diperiksa, kabel di DB warna merah, tetapi di suis warna kuning. Ini kami pasti ada sambungan di atas siling.*
- (iii) *Pemasangan RCCB untuk water heater juga salah dan saiz kabel terlalu besar. Sepatutnya pemasangan untuk RCCB 10 mA. Kabel incoming saiz 4mm sahaja. Tidak perlu 16mm. Selain itu, perlu ambil di MCB untuk incoming.*
- (iv) *Saiz untuk suis utama dan RCCB sub DB perlu pakai 40 Amp bukan 63 Amp.*
- (v) *Bacaan earthing tidak mengikut spec bawah 10 Ohm. Bacaan di meter earthing menunjukkan 26.9 Ohm.*
- (vi) *Setiap suis 20 Amp tiada kabel earthing.*
- (vii) *Pendawaian kabel sub main dari main DB ke sub DB menggunakan kabel aluminium. Ini kerana kami menemui kabel telah disambung atas siling dari kabel cooper disambung dengan kabel aluminium. Kabel aluminium hanya untuk Tenaga Nasional Berhad sahaja. Tidak sesuai untuk didalam rumah.”*

[7] Selanjutnya, Tribunal juga menyedari keperluan seorang pakar dalam hal perkara ini dan Tribunal telah memanggil seorang saksi pakar dari Suruhanjaya Tenaga iaitu Puan Sharal Aida binti Ibrahim.

**[8]** Saksi pakar menyatakan antara lain setelah meneliti laporan pemeriksaan pendawaian oleh saksi PYM dan menyatakan terdapat ketidakpatuhan kepada perkara-perkara yang dinyatakan di dalam perenggan 4(i) (ii) (iii) (iv) (vi) dan (vii) terhadap Garis Panduan Pendawaian Elektrik Pepasangan Domestik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga. Selanjutnya tiada ketidakpatuhan bagi perenggan 4 (v) Laporan tersebut.

**[9]** Berdasarkan kepada keterangan saksi pakar ketidakpatuhan tersebut adalah terhadap antaranya Peraturan 1.1(b), Peraturan 8.1. Peraturan 8.3, Peraturan 5.1 Garis Panduan Pendawaian Elektrik Pepasangan Domestik dan Malaysian Standard MS EIC 2015.

**[10]** Saksi pakar tersebut juga menyatakan terdapat ketidakpatuhan kepada peraturan berhubung Earthing of Installation di Peraturan 36 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

**[11]** Berdasarkan keterangan saksi telah terdapat letupan kecil berlaku di premis tersebut dan saksi pakar juga menyatakan ketidakpatuhan yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan dan mengakibatkan antaranya bekalan elektrik terputus, letupan, kebakaran dan menjadikan keseluruhan pendawaian.

**[12]** Saksi pakar juga menyatakan bahawa Penentang tiada di dalam senarai pendaftaran di bawah Suruhanjaya Tenaga.

### **C. VERSI PENENTANG**

**[13]** Penentang juga menyatakan mempunyai tuntutan balas namun tidak menyatakan jumlah sebenar tuntutannya dan semasa perbicaraan juga tidak menyatakan butirannya serta tidak mengemukakan bukti-buktinya (butiran seperti di Borang 2).

## **D. ALASAN KEPUTUSAN**

**[14]** Setelah membaca keterangan saksi-saksi dan meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pihak-pihak, Tribunal mendapati seperti yang berikut:

- (a) berdasarkan kepada keterangan saksi PYM dan saksi pakar terdapat ketidakpatuhan sepetimana di dalam laporan pemeriksaan pendawaian dan keterangan saksi pakar kecuali perkara yang dinyatakan di dalam perenggan (v) Laporan tersebut.
- (b) Saksi PYM dan saksi pakar menyatakan bahawa bahawa terdapat ketidakpatuhan seperti yang dinyatakan di atas dan boleh mengakibatkan antaranya bekalan elektrik terputus, letusan, kebakaran dan menjadikan keseluruhan pendawaian.
- (c) Diperhatikan bahawa satu perjanjian juga telah dimetaraikan pada 5 Oktober 2022 dengan terma-terma yang dipersetujui oleh pihak-pihak. Tribunal merujuk kepada Klausula 12 yang menyatakan bahawa jika berlaku kerosakan akibat mutu kerja dalam tempoh sepetimana yang disebut dalam Bahagian 7 Jadual A dari tarikh penyempurnaan kontrak tersebut, Kontraktor hendaklah dan akan membaikinya dengan perbelanjaannya sendiri.
- (d) Walau apapun yang dinyatakan di dalam Klausula 12, Tribunal mendapati berdasarkan kepada keadaan kecemasan kerosakan yang serius dan risiko kebakaran serta telah berlakunya letusan adalah wajar bagi PYM mendapatkan pemeriksaan dan pemberian pihak ketiga.
- (e) Tribunal juga setelah meneliti keterangan saksi-saksi dan dokumen yang dikemukakan, atas imbangan kebarangkalian mendapati bahawa PYM

telah berjaya membuktikan tuntutannya dengan disokong oleh saksi PYM dan saksi pakar yang dipanggil oleh pihak Tribunal.

- (f) Tribunal juga mendapati bahawa tuntutan balas Penentang tidak disokong dengan bukti dan tidak jelas butirannya.

[15] Selanjutnya, Tribunal merujuk kepada peruntukan di bawah Seksyen 53 Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599] yang menyatakan seperti yang berikut:

*“Gerenti tersirat mengenai ketelitian dan kemahiran munasabah*

**53. Jika perkhidmatan dibekalkan kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa perkhidmatan itu akan dijalankan dengan ketelitian dan kemahiran yang munasabah...”**

[16] Seksyen 54 Akta 599 juga menyatakan berhubung gerenti tersirat mengenai kesesuaian bagi maksud tertentu seperti yang berikut:

*“Gerenti tersirat mengenai kesesuaian bagi maksud tertentu*

**54. (1) Jika perkhidmatan dibekalkan kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa perkhidmatan itu, dan apa-apa keluaran hasil daripada perkhidmatan itu, akan—**

- (a) semunasabahnya sesuai bagi apa-apa maksud tertentu; dan  
(b) daripada jenis dan kualiti yang semunasabahnya dapat dijangka akan mencapai apa-apa hasil tertentu,”

[17] Selanjutnya, rujukan dibuat kepada seksyen 57 Akta 599 yang menyatakan seperti berikut:

*“Hak tebus rugi pengguna terhadap pembekal*

**57. Bahagian ini memberi pengguna hak tebus rugi terhadap pembekal perkhidmatan jika perkhidmatan atau keluaran hasil daripada perkhidmatan itu gagal untuk mematuhi mana-mana gerenti tersirat di bawah seksyen 53 hingga 55.”**

**E. AWARD BORANG 10**

[18] Berdasarkan alasan yang dinyatakan di atas, Tribunal memerintahkan Penentang membayar sebanyak RM17,300.00 kepada Pihak Yang Menuntut dalam tempoh 14 hari dari tarikh award. Selanjutnya tuntutan balas pihak Penentang dengan ini ditolak.



*Norsiah Ujang*

*Presiden*

*Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia*

*9 Mei 2024*